



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa dari penyebutharga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan seperti berikut:-

NO. SEBUT HARGA	PERKARA	KEPALA/ SUB KEPALA
MPPD SH 133/2020 (RM 50.00)	Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Selenggara Dan Buka Semula Visual Billboard Serta Bunting Sempena Sambutan Perayaan Negara / Negeri Untuk Mppd Tahun 2021	222003 / 222009 (Bumiputera)
MPPD SH 148/2020 (RM 50.00)	Perkhidmatan Kerja-Kerja Penangkapan, Penyimpanan dan Pelupusan Anjing Liar Bagi Tahun 2021	220902 (Bumiputera)
MPPD SH 149/2020 (RM 50.00)	Membekal Dan Menghantar Alat Tulis, Kertas Dan Kertas Komputer Untuk Majlis Perbandaran Port Dickson	010201/ 020403/ 020601/ 020602/ 020604

1. Setiap dokumen sebut harga boleh dibeli di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus** pada waktu pejabat (**8.30 pagi hingga 2.00 petang**) mulai pada **8 Disember 2020**.

2. Pembekal hendaklah membawa sijil asal:-

- a) **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)***
- b) **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia***
- c) **Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia***
- d) **Sijil Pendaftaran MPPD***

***semasa pembelian naskah sebut harga**

3. Pembekal perlulah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. Pendaftaran pembekal boleh dibuat di Jabatan Kejuruteraan, MPPD.

4. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga sebelum atau pada **15 Disember 2020 jam 12.00 tengah hari** di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.**
5. Nombor sebut harga dan juga tajuk bekalan/perkhidmatan hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
6. **Pembekal dinasihatkan agar mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) semasa berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan di ambil tindakan.**
7. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
8. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

Tandatangan : 

Nama Pegawai : **MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA**

Jawatan : **Yang Dipertua**

Tarikh : **27 NOV 2020**

..... **Majlis Perbandaran Port Dickson**